

03/11/1999

## Dua pertubuhan terbesar Cina sokong Mahathir

PUTRAJAYA, Selasa - Dua pertubuhan terbesar masyarakat Cina hari ini menyatakan sokongan padu kepada kerajaan dan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) dan Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (FCAM), juga menyatakan hasrat mereka untuk terus bekerjasama dengan pucuk pimpinan bagi memastikan kestabilan, keamanan dan kemajuan negara serta memenuhi aspirasi Wawasan 2020.

Sokongan terbuka itu dilafazkan oleh rombongan 30 orang mewakili dua pertubuhan berkenaan, dalam pertemuan tertutup dengan Dr Mahathir selama kira-kira sejam di pejabatnya di sini petang ini.

ACCCIM diketuai Presidennya, Datuk Lim Guan Teik, manakala Presiden FCAM, Datuk Chong Chin Shoong mewakili pertubuhan itu. Hadir sama ialah Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras bagi pertemuan itu, Tan Sri Tan Kok Ping serta pengerusi ACCCIM dan FCAM peringkat negeri dari seluruh negara.

ACCCIM ialah gabungan 17 dewan perniagaan Cina di negara ini yang mewakili lebih 20,000 syarikat. FCAM pula ialah badan induk 13 dewan Perhimpunan Cina iaitu gabungan 5,000 persatuan Cina dengan kira-kira 100,000 ahli.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas pertemuan itu, wakil ACCCIM dan FCAM menyatakan sokongan terhadap segala tindakan dan langkah kerajaan dalam usaha menangani cabaran ekonomi sekarang dan akan datang.

Mereka juga berikrar untuk menentang segala bentuk ancaman terhadap keutuhan dan kedaulatan negara, ekonomi dan kepemimpinan negara.

"Ketika ini, amat perlu pemimpin tertinggi ACCCIM dan FCAM secara terus terang dan terbuka menegaskan pendirian dan sokongan kepada Perdana Menteri dan kerajaan pimpinannya.

"Sokongan ini penting kerana pada akhir abad ke-20 ini, Malaysia menghadapi pelbagai tekanan dari luar terutama sekali berikutan tercetusnya kegawatan ekonomi di rantau Asia pada 1997," kata kenyataan itu.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Timbalan Setiausaha Agung ACCCIM, David Chua, yang bertindak sebagai jurucakap dua kumpulan itu berkata, dalam pertemuan itu Dr Mahathir melahirkan harapan supaya masyarakat Cina terus memberi sokongan kepada kerajaan.

Ditanya sama ada ACCCIM dan FCAM turut mengemukakan 17 tuntutan yang ditimbulkan oleh 11 ahli gabungan FCAM baru-baru ini, beliau berkata pihaknya tidak berbuat demikian.

"Tidak...tidak ada permintaan. Bukan sekarang untuk berbuat demikian. Selain menyatakan pendirian sokongan kepada kerajaan, kami bertukar-tukar fikiran dengan Perdana Menteri.

"Perdana Menteri menjelaskan mengenai keadaan ekonomi semasa, keperluan mengekalkan kawalan modal dan langkah-langkah pemulihan ekonomi. Kami yakin ekonomi negara telah pulih dari kegawatan dan menuju ke landasan pertumbuhan lebih mantap.

"Kami juga yakin jangkaan pertumbuhan ekonomi lima peratus tahun depan dapat dicapai. Malah pertumbuhan ekonomi 4.3 peratus tahun ini seperti dibentangkan dalam laporan ekonomi 1999/2000 jauh lebih baik daripada jangkaan kerajaan," katanya.

Chua berkata, mereka yakin pengundi Cina yang kebanyakannya ahli perniagaan akan memberi sokongan kepada BN dalam pilihan raya umum ini.

(END)